

RM48.52 juta bantu penjaja, peniaga kecil

BH - 4/12/2021



Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri

Ismail Sabri menyampaikan ucapan pada perasmian Sambutan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Keluarga Malaysia Peringkat Kebangsaan 2021 di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

“Pembiayaan yang dimohon boleh digunakan bagi tujuan pemulihan perniagaan seperti modal pusingan, pembelian peralatan atau perkakasan, bayaran gaji, bayaran sewa dan bil utiliti.

“Tiada sebarang kadar keuntungan dikenakan ke atas penerima biaya, sebaliknya hanya kos pengurusan akan dikenakan sebanyak satu peratus atas kutipan yang diterima,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Keluarga Malaysia 2021 (HPPK 2021) dan pelancaran Program Transformasi Pasar Malam, di sini.

MEDAC menyasarkan nilai potensi pelaburan dan pembiayaan sebanyak RM1 juta melalui ekspo dan pameran menerusi Gerak Usahawan Nasional 2021 sepanjang tiga hari HPPK 2021 berlangsung.

Seramai 200 penjaja dan peniaga kecil dijangka menyertai HPPK 2021 membabitkan nilai jualan RM200,000 dengan sasaran kehadiran 1,000 orang secara fizikal dan dalam talian.

Pada majlis itu, Perdana Men-

teri turut bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM100,000 kepada Persatuan Gabungan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia (GPPPKMM).

Selain itu, transformasi pasar malam membabitkan 50 tapak pasar malam utama di seluruh negara yang akan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun depan.

Ismail Sabri berkata, program itu diusahakan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempa-

tan (KPKT) menetengahkan pelbagai elemen norma baharu yang mementingkan komponen kesihatan dan keselamatan, termasuk penugasan ‘Marshal Pasar Malam’ bagi meningkatkan kembali keyakinan rakyat.

“Pasar malam adalah satu medan kepada rakyat mendapatkan keperluan harian dengan mengurangkan peranan orang tengah.

“Kalau berjaya program ini, kita tambah lagi peruntukan tahun depan,” katanya.


RM25 juta turut diperuntuk bagi pelaksanaan Transformasi Pasar Malam

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan mengumumkan peruntukan sebanyak RM48.52 juta bagi program pembiayaan mikro dan RM25 juta bagi pelaksanaan Transformasi Pasar Malam bagi kebajikan penjaja dan peniaga kecil.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata melalui inisiatif pembiayaan mikro itu, Keluarga Malaysia dalam kalangan penjaja dan peniaga kecil boleh memohon pembiayaan secara syariah dengan kadar keuntungan kosong peratus daripada Bank Rakyat, di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC).

Beliau berkata, program pembiayaan mikro berkenaan menawarkan nilai pembiayaan antara RM10,000 dan RM50,000 dengan tempoh bayaran balik sehingga lima tahun.



Kebajikan penjaja dan peniaga kecil terus mendapat perhatian kerajaan ketika berdepan kesan pandemik.

(Foto hiasan)